



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Nikmati Ramadan, Syawal dengan penuh kesyukuran

Inisiatif penuh makna, warnai keceriaan sambut Aidilfitri

Oleh **Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar**
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Ramadan dan Syawal bukanlah sekadar dipenuhi aktiviti ibadah dan perayaan, tetapi juga tempoh mencabar apabila perbelanjaan isi rumah boleh meningkat dengan ketara, khususnya dari segi keperluan harian hingga persiapan menyambut Aidilfitri.

Tidak dinafikan rakyat berdepan cabaran mengimbangi kos sara hidup dalam situasi ekonomi mencabar. Harga barangan keperluan, juadah terbuka serta persiapan perayaan boleh menjadi beban kewangan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana sekiranya tidak diatur dengan penuh berhemah.

Menyadari realiti ini, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang Ramadan dan Syawal bagi memastikan kestabilan bekalan serta harga barangan pada kadar yang berpatutan.

Langkah ini diambil bagi membolehkan rakyat menjalani ibadah dengan tenang dan menyambut perayaan dengan penuh rasa kesyukuran.

● Inisiatif 1: Berjimat di Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM)

Justeru, dalam usaha membantu rakyat mendapatkan barangan harian dengan harga lebih rendah, KPDN melaksanakan PJRM.

Program ini menawarkan pelbagai barangan keperluan seperti gula, minyak masak, ayam, barangan kering, hasil laut, buah-buahan dan banyak lagi pada harga 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa.

PJRM dilaksanakan di seluruh negara, termasuk kawasan luar bandar serta lokasi tumpuan utama pengguna. Program ini memudahkan lebih ramai rakyat mendapat akses kepada harga lebih rendah dan murah, sekali gus membantu rakyat membuat persiapan menyambut Syawal.

Bagi mengetahui maklumat terkini mengenai tarikh dan lo-

kasi PJRM orang ramai boleh melayari laman web rasmi KPDN di www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah yang diadakan hampir setiap minggu di 222 kawasan Parlimen dan 600 kawasan DUN seluruh negara.

● Inisiatif 2: Bazar Ramadan Rahmah (BRR) - juadah berpatutan untuk semua

Selain keperluan harian, juadah terbuka puasa juga menjadi antara perbelanjaan utama rakyat sepanjang Ramadan.

Menyadari perkara ini, kerajaan melalui KPDN memperkenalkan BRR bagi memastikan rakyat dapat menikmati juadah terbuka puasa pada harga berpatutan tanpa menjejaskan kualiti makanan.

Dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT), BRR dilaksanakan di 95 lokasi seluruh negara tanpa membabitkan kos tambahan kepada kerajaan.

Salah satu elemen utama program ini ialah Menu RAHMAH melalui jualan juadah terbuka pada harga tidak melebihi RM5.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu rakyat mendapatkan makanan lebih mampu milik, tetapi juga menyokong peniaga kecil dalam meningkatkan pendapatan mereka.

● Inisiatif 3: Ops Pantau - Membanteras pencatutan harga

Dalam memastikan kestabilan harga dan bekalan barangan keperluan sepanjang Ramadan dan Syawal ini, KPDN melalui menteri, Datuk Armizan Mohd Ali melancarkan Ops Pantau 2025 bermula 2 Mac hingga Aidilfitri.

Operasi ini memberi tumpuan kepada pemantauan di bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar raya, serta kedai runcit bagi mencegah sebarang aktiviti pencatutan harga, penjualan barang tidak berkualiti, dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang perdagangan.

Bagi memperkukuh penguatkuasaan, KPDN meningkatkan kehadiran anggota di lokasi tumpuan pengguna dengan menggunakan van Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna (STAR), kenderaan peronda, serta Unit Ronda Bermotosikal.

Pusat Arhian Penguat Kuasa juga beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi hingga 8 malam bagi menerima dan mengambil tindakan segera terhadap sebarang aduan pengguna.

● Inisiatif 4: SIM@PAX - Tawar harga diskaun pakej servis kenderaan

Program Servis IHSAN MADANI @ PETRONAS AutoExpert (SIM@PAX) adalah inisiatif strategik hasil kerjasama antara



Armizan (kiri) melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena hari raya Aidilfitri yang berkuat kuasa mulai 24 Mac hingga 7 April 2025

KPDN dan PETRONAS yang menawarkan pakej servis kenderaan dengan potongan harga antara 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Ini termasuk penyelenggaraan minyak pelincir mineral, semi sintetik dan mineral serendah RM99 yang bermula pada 15 hingga 29 Mac 2025 di 96 bengkel PETRONAS AutoExpert di seluruh negara.

Inisiatif ini diperkenalkan khusus menjelang musim perayaan utama di Malaysia bagi membantu mengimbangi kos sara hidup rakyat.

Selain itu, ia turut bertujuan memastikan keselamatan pengguna jalan raya melalui penyelenggaraan kenderaan lebih cekap dan berkualiti.

● Inisiatif 5: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)

Seiring dengan peningkatan permintaan terhadap barangan keperluan menjelang hari raya, kerajaan turut mengawal harga menerusi SHMMP.

Melalui skim ini, harga barangan keperluan tertentu ditetapkan dalam tempoh tertentu secara perundangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan AKHAP 2011 [Akta 723] bagi mengelakkan kenaikan harga tidak munasabah.

Langkah ini bukan sahaja melindungi pengguna daripada eksploitasi harga, tetapi juga memastikan kestabilan pasaran dalam tempoh perayaan.

Armizan telah mengumumkan pelaksanaan SHMMP yang berkuat kuasa mulai 24 Mac hingga 7 April 2025 iaitu selama 15 hari,



Penganjuran Jualan Jualan Rahmah MADANI (PJRM) diadakan di seluruh negara dengan tawaran diskaun harga antara 10-30 peratus lebih rendah daripada pasaran. Layari portal rasmi KPDN untuk ketahui penganjuran Takwim PJRM di lokasi berdekatan anda.

melibatkan 26 jenis barangan yang dikawal di bawah AKHAP 2011 [Akta 723]. Pelaksanaan skim ini diharapkan dapat membantu rakyat memperoleh bekalan barangan keperluan pada harga yang lebih terkawal dan berpatutan.

Keperihatinan kerajaan

Oleh itu keperihatinan Kerajaan MADANI melalui KPDN terhadap usaha mensejahterakan rakyat khususnya semasa musim perayaan dapat diterjemahkan melalui strategi menyeluruh yang merangkumi aspek kawalan harga, pemantauan serta penawaran perkhidmatan dengan nilai tambah kepada pengguna.

Pada masa sama, rakyat juga perlu bersama-sama memainkan peranan penting sebagai pengguna yang bijak dengan memanfaatkan peluang yang disediakan melalui inisiatif ini.

Sikap berhemah dalam berbelanja, membuat pilihan yang tepat serta melaporkan sebarang ketidakpatuhan kepada pihak

berkuasa adalah langkah proaktif yang dapat membantu memastikan keberkesanan program ini berjaya dilaksanakan.

Bagi peniaga, elemen keberkatan perlu diterapkan dalam amalan perniagaan mereka.

Ini termasuk aspek kejujuran, keadilan, serta kepatuhan terhadap segala peraturan dan perundangan ditetapkan.

Rasulullah SAW bersabda: "Peniaga yang boleh dipercayai dan beramanah akan bersama Nabi, orang-orang yang dapat dipercayai (siddiqin), dan orang-orang yang mati syahid." (Hadis Riwayat Tirmizi, 1130).

Dengan kerjasama semua pihak, kita yakin inisiatif kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan pengguna bukan sahaja dapat dicapai, malah diperkukuh melalui amalan perniagaan beretika serta perbelanjaan bijak oleh pengguna sekali gus mewujudkan ekosistem perdagangan domestik lebih mampan dan adil untuk jangka panjang buat rakyat Malaysia.



Sistem 'jejak' ketirisan minyak masak subsidi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berupaya mengesan perjalanan minyak masak peketer subsidi daripada pembungkus kepada pemborong, peruncit dan pembeli kumpulan sasar. Sistem elektronik dikenali Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) yang dijangka dilaksanakan tahun ini, mampu mengekang perbuatan menyorok atau menyeleweng minyak masak subsidi. → **Nasional 6**

(Foto Ghazali Kori/BH)

Sistem eCOSS atasi ketirisan minyak masak bersubsidi

Projek rintis kesan perjalanan produk daripada pembungkus kepada pemborong dan peruncit

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berupaya mengesan perjalanan minyak masak paket bersubsidi daripada pembungkus kepada pemborong, peruncit dan pembeli kumpulan sasaran.

Sistem elektronik dikenali Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) yang dijangka dilaksanakan tahun ini, mampu mengekang perbuatan menyorok atau menyeleweng minyak masak subsidi.

Timbalan menterinya, Fuziah Salleh, berkata projek rintis eCOSS dijangka dilaksanakan tahun ini bagi mengawal penjualan minyak masak subsidi di peringkat runcit.

Beliau berkata, sistem elektronik eCOSS dibangunkan untuk mengesan perjalanan minyak masak paket daripada pembungkus kepada pemborong dan peruncit, sekali gus memastikan jualan hanya kepada kumpulan sasaran.

"Ketika ini di pihak peruncit, kita belum ada sistem untuk kesan jualan kepada pengguna. Oleh itu kita sedang membangkannya dan akan mulakan



Fuziah pada sesi pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

projek pertama tahun ini.

"Mungkin pengguna perlu menggunakan sistem itu dengan scan kod QR atau kaedah lain bagi memastikan warga asing tidak boleh beli minyak masak subsidi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara di sini semalam.

Sejak 2023, kerajaan memperuntuk lebih RM1.5 bilion subsidi untuk minyak masak paket bagi membolehkan produk itu dijual pada harga RM2.50 bagi setiap paket di pasaran.

Namun, kesukaran untuk mendapatkan bekalan itu di pasar raya dan kedai runcit berikutan ketiadaan stok atau stok habis,

menyebabkan golongan berpendapatan rendah tidak mendapatkan manfaat langsung daripada inisiatif bantuan itu.

Media sebelum ini melaporkan, daripada kuota 60,000 tan atau bersamaan 60 juta paket minyak masak bersubsidi satu kilogram sebulan di pasaran, 60 peratus digunakan kumpulan peniaga mikro.

Tambah kuantiti

Fuziah berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Senator Datuk Salehuddin Saidin yang ingin mengetahui sejauh mana penguatkuasaan dapat mengekang perbuatan menyorok atau menyeleweng minyak masak subsidi.

Fuziah berkata, selain itu kerajaan turut meningkatkan kuantiti minyak masak paket dalam program Jualan Rahmah bagi memastikan lebih ramai kumpulan sasaran mendapat bekalan.

Selain itu katanya, arahan kawalan bekalan juga dikuatkuasakan, termasuk had pembelian maksimum tiga paket bagi setiap pengguna serta pelaksanaan sistem zon di Sabah dan Sarawak yang mengehadkan pembungkus untuk menjual hanya dalam kawasan yang ditetapkan.

Fuziah berkata, dari 1 Januari 2024 hingga 18 Mac tahun ini, 605 kes berkaitan minyak masak subsidi direkodkan, termasuk sembilan kes menyorok minyak masak dengan jumlah rampasan 3,655 kilogram.

BERNAMA



Sistem eCOSS mampu mengekang perbuatan menyorok atau menyeleweng minyak masak paket subsidi.

(Foto hiasan)

Projek rintis eCOSS kawal minyak masak subsidi peringkat runcit

KUALA LUMPUR - Projek rintis Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) dijangka dilaksanakan tahun ini bagi mengawal penjualan minyak masak subsidi di peringkat peruncitan, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh.

Beliau berkata, sistem elektronik eCOSS dibangunkan untuk mengesan perjalanan minyak masak peket daripada pembungkus kepada pemborong dan peruncit, sekali gus memastikan jualan hanya kepada kumpulan sasaran.

"Ketika ini di pihak peruncit kita belum ada sistem untuk kesan jualan kepada pengguna. Oleh itu kita sedang membangunkannya dan akan mulakan projek pertama tahun ini.

"Mungkin pengguna perlu guna sistem itu dengan scan kod QR atau kaedah lain bagi

memastikan warga asing tidak boleh beli minyak masak subsidi," katanya di Dewan Negara.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Senator Datuk Salehuddin Saidin yang ingin mengetahui sejauh mana penguatkuasaan dapat mengekang perbuatan menyorok atau menyeleweng minyak masak subsidi.

Fuziah berkata, selain itu kerajaan turut meningkatkan kuantiti minyak masak peket dalam program Jualan Rahmah bagi memastikan lebih ramai kumpulan sasaran mendapat bekalan.

Selain itu arahan kawalan bekalan juga dikuatkuasakan, termasuk had pembelian maksimum tiga peket bagi setiap pengguna serta pelaksanaan sistem zon di Sabah dan Sarawak yang mengehadkan pembungkus menjual hanya dalam kawasan ditetapkan. - Bernama



FUZIAH

PILOT

COOKING OIL TRACKING PROJECT TO START IN 2025

Electronic system to monitor distribution, says Fuziah

KUALA LUMPUR

THE Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (eCOSS) pilot project is expected to be implemented this year to regulate the sale of subsidised cooking oil at the retail level.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said an electronic system was being developed to monitor the distribution of cooking oil packets, from packaging companies to wholesalers and retailers, ensuring they reached only the target groups.

"We lack a system at the retail level to track sales to consumers, so we are developing it and will initiate the pilot project this year.

"Consumers may use the system by scanning a QR code or another method. This is to prevent foreigners from buying subsidised cooking oil," she said at Dewan Negara yesterday.

Fuziah was responding to a supplementary question from Senator Datuk Salehuddin

Saidin, who raised concerns about the effectiveness of enforcement in preventing the hoarding and misappropriation of subsidised cooking oil.

She said the government would boost the supply of packaged cooking oil under the Rahmah

Sales initiative to ensure more targeted groups benefit from the subsidy.

Stricter supply control measures are also in place, she said, including a maximum purchase limit of three packets per consumer and a zonal system in Sabah and Sarawak that restricts packagers to selling in designated areas.

She said that between Jan 1 last year and March 18 this year, 605 cases involving subsidised cooking oil were recorded, including nine incidents of hoarding, resulting in the seizure of 3,655kg of subsidised cooking oil. **Bernama**



Fuziah Salleh

Minyak enjin kenderaan perlu ada tanda SIRIM mulai 7 April



Armizan (tengah) menyaksikan penyampaian sijil produk pensijilan barangan tulen minyak enjin kenderaan dari wakil SIRIM kepada Petronas Lubricants International Sdn Bhd.

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengarahkan semua produk minyak enjin kenderaan yang dikeluarkan pihak pengeluar dan industri perlu memiliki perakuan dan penandaan label dari Institut Piawaian dan Penyelidikan (SIRIM) berkuat kuasa 7 April depan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, peraturan baharu itu bagi membanteras dan mengatasi isu minyak enjin tiruan di pasaran termasuk pembelian secara dalam talian.

Menurutnya, ia sekali gus melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan selain boleh membawa risiko keselamatan dan kemalangan di jalan raya.

"Penjualan minyak-minyak atau-

pun penghasilan minyak tiruan memberikan kesan kerosakan tempoh tertentu kepada enjin kenderaan pengguna.

"Juga boleh membawa kepada risiko kemalangan, jadi dengan adanya label ini pengguna akan dapat mengenal pasti mana produk yang dijamin tulen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas mengadakan Lawatan Kerja Sempena Penguatkuasaan Perintah Dagangan Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor di Petronas Melaka Lube Blending Plant, di Sungai Udang di-sini pada Khamis.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, kementerian itu telah memberi tempoh selama enam bulan kepada pihak industri untuk

membuat persediaan sebelum dikuatkuasakan pada bulan depan.

Ujarnya, perakuan dan penandaan label SIRIM itu telah diwartakan pada 11 Oktober tahun lalu dan peraturan baharu itu bertujuan melindungi kepentingan pihak pengeluar daripada diancam risiko produk tiruan.

Katanya, peraturan dikuatkuasa itu kerana pihaknya memandang serius berikutan kadar peningkatan aduan pengguna terhadap minyak enjin tiruan saban tahun.

"Sejak Januari 2019 hingga Februari lalu kita terima 240 aduan berkaitan masalah berkenaan.

"Daripada jumlah aduan yang diterima itu, 36 tindakan kes telah diambil dengan nilai rampasan berjumlah RM1,154,198," katanya lagi.

Certs for engine oil from April

Move will help consumers identify genuine motor oil

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: Starting April 7, the government will enforce the Trade Descriptions Order (Certification and Marking of Engine Oil for Motor Vehicles) 2024 to curb the sale of counterfeit motor vehicle engine oil, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said the enforcement of this order will enable consumers to identify genuine motor vehicle engine oil and prevent the sale of counterfeit products, which pose safety risks that could lead to road accidents.

"It will also protect the interests of motor vehicle engine oil manufacturers by reducing the risk of counterfeit production by irresponsible parties," he said at a press conference, held at the PETRONAS Melaka Lube Blending Plant in the Tangga Batu Industrial Estate, here yesterday.

Armizan said all engine oil products, whether locally pro-

"Strict action will be taken against ... (anyone) who offers uncertified products."

Datuk Armizan Mohd Ali

duced or imported, must obtain a certificate of authenticity through Sirim QAS International Sdn Bhd, which has been appointed as the official body responsible for certification and issuing product compliance labels.

He said the government had given manufacturers six months to comply with the directives over the gazetted order, starting Oct 11 last year.

"The ministry, in collaboration with Sirim, has been conducting engagement programmes since



Hands-on inspection: Armizan (second from right) taking a tour through the PETRONAS Melaka Lube Blending Plant in the Tangga Batu Industrial Estate.— Bernama

2022, involving nearly all major players in the motor vehicle engine oil industry in the country.

"Strict action will be taken against any importer, distributor or seller who offers uncertified

products without a valid compliance label from the authorities," he said.

In a related development, Armizan revealed that 240 complaints regarding motor vehicle

engine oil products were received by his ministry between January 2019 and February 2025, resulting in a total of 36 enforcement actions and seizures amounting to RM1,154,198.

Subsidised cooking oil to be regulated via eCOSS

KUALA LUMPUR: The Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (eCOSS) pilot project is expected to be implemented this year to regulate the sale of subsidised cooking oil, says Fuziah Salleh.

The Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister said the eCOSS system is being developed to monitor the distribution of packet cooking oil from packaging companies to wholesalers and retailers, ensuring it reaches only the intended target groups.

“Currently, we lack a system at the retail level to track sales to consumers. Therefore, we are developing it and will initiate the pilot project this year.

“Consumers may need to use the system by scanning a QR code or through another method to prevent foreigners from purchasing subsidised cooking oil,” she said at the Dewan Negara.

Fuziah added that the government would increase the supply of packet cooking oil under the Rahmah Sales programme, ensuring more targeted groups benefit.

Additionally, stricter supply control measures are in place, including a maximum purchase limit of three packets per consumer and a zonal system in Sabah and Sarawak.



纳闽 22 种食材列入开斋节统制品

(本报纳闽 20 日讯) 配合 2025 开斋节，纳闽国内贸易及生活成本部实行 2025 年开斋节顶价计划，将 22 种食材列为统制品。生效日期为 2025 年 3 月 24 日至 4 月 7 日，共 15 天，即节日前 7 天、节日当天和节日后 7 天。

进口牛肉 (印度)，甘望鱼，沙丁鱼，番茄，红辣椒，进口圆包菜 (不包括 印尼 & 中国的北京包菜)，长豆，青芥菜，黄瓜，进口大红葱，大洋葱。

印度小红葱 (两种类型)，大蒜 (中国)，红萝卜，进口马铃薯 (中国)，卷曲干辣椒，花生，老姜 (进口)，椰子 (仅批发)，椰丝 (仅零售)，椰浆 (仅零售)。

商家们不得以超过政府规定的最高价格销售受控商品，必须使用粉红色价格标签 标示受控商品，以便与其他商品区分，并鼓励商家在采购成本较低时，以低于最高价格出售商品。

违反规定的处罚根据《2011 年价格控制及反暴利法》，销售

超出最高限价商品的处罚：

个人：最高罚款 100,000 令吉，或监禁 3 年以下，两者兼施，最高 50,000 令吉罚款单。

公司：最高罚款 500,000 令吉，或最高 250,000 令吉罚款单。

未使用粉红色价格标签的处罚，个人：最高罚款 10,000 令吉或最高 5,000 令吉罚款单。

公司：最高罚款 20,000 令吉，最高 10,000 令吉罚款单。

投诉渠道：WhatsApp：019-848 8000，在线投诉：e-aduan.kpdn.gov.my，热线：1-800-886-800

电子邮件：e-aduan@kpdn.gov.my，手机应用：Ez ADU KPDN，亲临纳闽国内贸易及生活成本部办公室执法指挥中心 (ECC)：03-8882 6088 / 6245；正式信函至纳闽国内贸易及生活成本部办公室；纳闽国内贸易及生活成本部行动室：087-423 209。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

3造稱2025年版權指南 許多條款越權

（吉隆坡20日讯）音乐版权集体管理组织指出，大马知识产权机构（MyIPO）今年初在官网发布的2025 年版权指南（集体管理组织）是未经过协商，当中许多条款属于“越权”，并与其他现有的法律相冲突，因此不应采纳。

大马音乐创作人版权保护协会（MACP）、大马唱片播放版权有限公司（PPM）及大马唱片艺人协会（RPM）发文告指出，有关指南是大马知识产权机

构单方面发表，而国内贸易及生活成本部部长拿督阿米占在3月17日的媒体声明也提及上述的指南。

他们指出，指南中的许多条款属于“越权”，即超越了“1987 年版权法令”所授予的管辖范围，并与其他现有的法律相冲突。

“尽管这指南的目的是要改善马来西亚集体管理组织的治理和运作，但在制定过程中的方法引发了音乐和版权行业的严重关注。我们认为，该指南中

的某些条款可能过度削弱集体管理组织在履行其主要职能——即保护创作者和版权持有者的权益时的自主性和独立性。

“MACP 一直以来遵循符合国际标准的最佳管理规范。作为国际作者和作曲者协会联合会（CISAC）的成员，我们遵守CISAC 设立的严格规章和指南。”

他们强调，尊重政府不断改善版权行业治理的努力，然而因未能获得充分的机会讨论和表达观点。没有明确的讨论，这项政策的实施可能会对版权生态系统产生负面影响，并影响依赖于集体管理组织版权收入的创作者生计。

因此，他们吁请全面参与及讨论2025年版权集体管理组织指南。

未經過磋商

◆大馬音樂創作人版權保護協會
拿督莫哈末納西爾

我們歡迎MyIPO 發布指南的舉措，旨在改善馬來西亞集體管理組織的治理。然而，只有在經過與我們進行詳細的磋商後，才能確保發布的指南可以有效保護。

反之，如果指南存在缺陷，將對我們公司的管理產生負面效果，最終將影響投資者的收入和国家經濟。因此，我們願意與MyIPO 合作，協商修改已發布的指南，確保達成預期的目標。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

A race to save edible food waste

By ZAKIAH KOYA

zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: As the sun sets over Ramadan bazaars across Malaysia, the scent of freshly grilled satay and bubbling pots of fragrant curries fills the air.

But as stalls begin to close, another mission quietly unfolds – a race against waste.

Armed with collection bins and a sense of purpose, 2,100 volunteers from Gema Youth Malaysia (Gema) spring into action, salvaging edible food before it meets an unnecessary fate in the landfill.

Through the MySaveFood initiative, in collaboration with the Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp), they have since 2015 gathered untouched rice, packed noodles and unopened drinks to be redistributed to those in need.

Last year alone, the volunteers saved more than 60 tonnes of edible food waste at bazaars in seven states worth more than RM720,000 before they were discarded.

Edible food waste consists of food that is still safe to eat, while inedible food waste consists of peels, shells and bones which have to be discarded at landfills.

This Ramadan, as food waste continues to rise, Gema and SWCorp push forward with an urgent message: Think before you throw, because every meal saved is a meal served.

SWCorp stated that it could only



On a mission: Volunteers from Gema starting their collection at a Ramadan bazaar in Alor Gajah, Melaka.

currently work with seven states – namely Federal Territories, Perlis, Kedah, Pahang, Melaka, Negri Sembilan and Johor – as these have adopted the Solid Waste Management and Public Cleansing Act 2007 (Act 672).

Act 672 enables SWCorp and Gema to work closely with local government authorities, which handle these bazaars.

Gema committee member Mohammad Harith Mohd Tarik, 31, said that volunteers would start collecting unsold items from traders at 7.30pm, when people are breaking fast.

"We test the food and drinks with the see and smell method. The tasting, we would leave it to

the recipients.

"However, as most of the food is fresh, they are still very much edible.

"We would start distributing by 8.30pm to those in need. Mostly, we get leftover drinks at bazaars and as they are already packed, it is easy to distribute.

"The food sent in bulk such as mee goreng and rice, we will pack and distribute to the poor and students who cannot afford to spend much on food.

"On average, one bazaar throws out almost 100kg of food daily. There are a few which can go up to 300kg," said Mohd Harith, a software engineer, who has been with the project for three years now.

SWCorp chief executive officer Khalid Mohamed said that food waste in general had increased by 11.5% in the current Ramadan compared with last year, but the edible food waste had decreased.

"We have collaborations on saving edible food with many parties but the one with Gema is really ramped up during Ramadan at 127 bazaars in seven states nationwide," said Khalid, when contacted.

"It is important for the public to realise we cannot keep filling the landfills and open more to accommodate waste as such waste releases the carbon dioxide into the air, leading to greenhouse gas emissions."



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Mar	Seleweng minyak masak:Tindakan tegas akan dikenakan kepada pihak terlibat	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/seleweng-minyak-masak-tindakan-tegas-akan-dikenakan-kepada-pihak-terlibat	RTM
21-Mar	3,655 kg minyak masak bersubsidi kena sorok sejak 2024	https://www.kosmo.com.my/2025/03/20/3655-kg-minyak-masak-bersubsidi-kena-sorok-sejak-2024/	KOSMO
21-Mar	Dua premis diserbu jual minyak kenderaan tiruan	https://www.sinarharian.com.my/article/718645/berita/semasa/dua-premis-diserbu-jual-minyak-kenderaan-tiruan	SINAR HARIAN
21-Mar	Sindiket jual minyak pelincir tiruan tumpas	https://www.kosmo.com.my/2025/03/20/sindiket-jual-minyak-pelincir-tiruan-tumpas/	KOSMO
21-Mar	Dua premis jual minyak kenderaan tiruan diserbu	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1198904/dua-premis-jual-minyak-kenderaan-tiruan-diserbu	HARIAN METRO
21-Mar	Perintah Perakuan Dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor Dikuatkuasa April In	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2404207	BERNAMA
21-Mar	Santan antara 26 barangan dikawal	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/santan-antara-26-barangan-dikawal/	UTUSAN
21-Mar	Coconut milk included in 2025 Raya price control	https://www.dailyexpress.com.my/news/254643/coconut-milk-included-in-2025-raya-price-control/	DAILY EXPRESS

21-Mar	Perintah Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor dikuat kuasa April ini	https:// www.sinarharian.com.my/ article/718702/berita/ nasional/perintah-perakuan- dan-penandaan-minyak- enjin-bagi-kenderaan-motor -dikuat-kuasa-april-ini	SINAR HARIAN
21-Mar	Perintah baharu kawal penjualan minyak enjin berkuat kuasa 7 April - Armizan	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/ perintah-baharu-kawal- penjualan-minyak-enjin- berkuat-kuasa-7-april- armizan	RTM
21-Mar	New trade order to protect consumers from fake engine oil	https://thesun.my/malaysia- news/new-trade-order-to- protect-consumers-from- fake-engine-oil-113825850	THE SUN
21-Mar	Semua minyak enjin diwajibkan ada label SIRIM mulai 7 April	https:// malaysiaga- zette.com/2025/03/20/ semua-minyak-enjin- diwajibkan-ada-label-sirim- mulai-7-april/	MALAYSIA GAZETTE
21-Mar	KPDN gubal Akta 370 kekang penjualan minyak pelincir tiruan	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/03/1374800/ kpdn-gubal-akta-370- kekang-penjualan-minyak- pelincir-tiruan	HARIAN METRO
21-Mar	Minyak enjin wajib miliki akuan SIRIM QAS bermula 7 April ini	https:// malaysia- tribune.news/2025/03/20/ minyak-enjin-wajib-miliki- akuan-sirim-qas-bermula-7- april-ini/	MALAYSIA TRIBUNE
21-Mar	PJRM Salam Ramadan Di Johor Catat Jumlah Jualan RM1.69 Juta	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2404337	BERNAMA
21-Mar	Polis Miri tahan lelaki cuba seludup diesel	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2404454	BERNAMA

21-Mar	Polis Miri tahan lelaki cuba seludup diesel	https:// www.tvsarawak.my/2025/03/20/polis-miri-tahan-lelaki-	TVSARAWAK
21-Mar	Polis Marin tahan lelaki cuba seludup diesel	https:// utusanarawak.com.my/ polis-marin-tahan-lelaki-	UTUSAN SARAWAK
21-Mar	Santan dalam SHMMP Aidilfitri 15 hari bermula 24 Mac	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/254697/santan-dalam -shmmp-aidilfitri-15-hari-	DAILY EXPRESS